

MEDAN BAHASA

PERKEMBANGAN BAHASA MELAYU

Qalam, dengan gemarnya menyajikan ceramah Tuan Zulkifli Muhammad mengenai perkembangan bahasa Melayu. Majlis ceramah ini ialah anjuran “Badan Ceramah Bahasa” di Selangor, yang telah dilangsungkan baharu-baharu ini di dewan Kolej Islam, Klang, dengan mendapat sambutan ramai.

(Oleh: Zulkifli Muhammad)

1. Kedudukan

Sebelum kita memasuki mauduk perkembangan bahasa Melayu ini mustahaklah lebih dahulu dijelaskan kedudukan bahasa Melayu di dalam keluarga bahasa-bahasa di dunia ini. Para sarjana bahasa telah mensifatkan bahasa Melayu ini sebagai satu bahasa yang termasuk di dalam kumpulan keluarga bahasa-bahasa Melayu Polinesia yang menjadi bahasa bagi kaum-kaum yang tinggal di gugusan kepulauan lautan teduh. Termasuklah di dalam keluarga ini cabang-cabang bahasa Melayu, Polinesia, Mikronesia dan Melanesia. Bahasa-bahasa Melayu ini mengandungi bahasa Melayu Malaya, Indonesia, Bali, Filipina dan Jawa. Adapun bahasa-bahasa Polinesia maka termasuklah di dalamnya bahasa-bahasa Fiji, Tahiti dan Hawaii. Bahasa-bahasa Mikronesia pula mengandungi bahasa-bahasa Yapa, Pona dan bahasa Pulau Gilbert, manakala bahasa-bahasa Melanesia adalah bahasa kepulauan Solomon dan daerah itu.

Pendeknya yang tersebut itulah bahasa yang dipakai

di gugusan pulau-pulau lautan teduh. Bahasa-bahasa ini dikumpulkan dalam keluarga bahasa-bahasa Melayu Polinesia bukanlah semata-mata kerana kedudukan geografi bagi pulau-pulau itu. Bahkan yang merapatkan mereka dalam istilah bahasa ini ialah sifat-sifat kebahasaan yang terdapat di dalam bahasa-bahasa itu sendiri. Tetapi bukanlah pada tempatnya kita hendak membahas hal-hal sifat bahasa itu di sini. Yang dimaksudkan ialah supaya kita lebih dahulu mengenal rumpun keluarga bahasa Melayu supaya tahulah kita pula di mana ia berdiri di kalangan bahasa-bahasa dunia. Sementara itu patutlah disebutkan di sini bahawa bahasa-bahasa yang tersebut itu tadi digelar bahasa Melayu Polinesia ialah menurut penyelidik bahasa, W.Von Humboldt ahli-ahli bahasa yang lain banyak menamakan rumpun bahasa ini sebagai bahasa-bahasa Austronesia.

Nyatalah daripada apa yang tersebut di atas bahawa bahasa Melayu itu lain rumpun bahasanya dari bahasa Samang dan Sakai yang keluarganya dinamakan bahasa-bahasa

Austronesia. Hakikat ini sangatlah penting diinsafkan oleh orang-orang yang sengaja hendak menghubungkan perdu keturunan dan keluarga bahasa Melayu dengan bahasa orang-orang asli di negeri ini. Nyatalah dari itu bahawa bahasa Melayu itu adalah bahasa yang bersendiri sebagai bahasa Melayu dan bukanlah iaitu semata-mata lanjutan atau pecahan daripada bahasa asing sahaja.

2. Sejarah Pertumbuhan

Soal menentukan hari pertama bagi tumbuhnya sesuatu bahasa itu adalah sulit. Hal ini lebih sulit dalam soal bahasa Melayu. Bahan-bahan penyelidikan tidaklah banyak dan penyelidikan pula belum banyak dijalankan. Walaubagaimanapun, bagi bahasan ini terpaksa kita mengambil satu tapak permulaan. Secara itu bolehlah dikatakan sejarah bahasa Melayu sudah bermula semenjak kira-kira tahun 680 Masihi. Dari zaman itu telah didapati beberapa piagam yang tertera dalam bahasa Melayu kuno. Bagi 686 ada didapati sebuah piagam seperti itu di Kota Kapur, Bangka Barat dan dua buah lagi didapati dari tahun 683 dan 684 di Kedukan Bukit dan Talang Tuo di dalam bahasa Melayu kuno ada juga. Ya, ada terdapat di dalam bahasanya itu bahasa Sanskrit tetapi hal seperti ini terdapat juga dalam piagam-piagam yang dalam bahasa Jawa Kuno.

Walaubagaimanapun hanya sedikit sahaja bahan penyelidikan dan perbandingan yang ada dalam hal ini. Menurut Prof Dr A. Teo hanya barangkali 50 baris sahaja lagi bahan yang tinggal tentang bahasa Melayu dari zaman itu untuk kita persaksikan. Dalam pada itu pun jumlah itu cukuplah untuk menyatakan bahawa kita dengan piagam yang 50 baris itu adalah berhadapan dengan satu di antara bahasa Polinesia dan isi-isinya mengingatkan kepada kita bahasa Melayu. Di bawah ini saya

kemukakan sebuah contoh dari piagam Talang Tuo itu bagi kita perlihatkan bangun dan tokoh bahasanya iaitu:

*“Di asankala di antara mergalai temu muah ya haza
dengan air diminumnya sewainya wa watanya huma perlek
mencak muah menghidupi pasu perakaraza
merholon tuai werdehi muah ya jangannya ya
nikinai sewanyaknya yang upasarga pidana
suwapanawigina.”*

Ertinya, lebih kurang adalah seperti berikut:

“Apabila mereka (orang-orang itu) lapar, di tempat perhentian atau di tengah-tengah perjalanan haruslah mereka mendapatkan makanan dan air minuman. Moga-moga segala perhumaan dan kebun-kebun yang mereka perbuat memberi hasil yang banyak. Moga-moga selamat segala macam ternak dan sekalian hamba sahaya mereka itu. Mudah-mudahan jangan mereka ditimpa oleh sesuatu malapetaka, atau seksa oleh penyakit tak dapat tidur.”

Dalam perkataan-perkataan di atas itu dapat perkataan di . . .kala (dibandingkan dahulu kala dan sebagainya) di antara (bahasa Jawa), merga (Batak), lai temu....ya...dengan air diminumnya, sebanyaknya buatannya huma (bahasa Melayu), perlek (bahasa Batak). Cukuplah dengan keterangan itu bahawa bahasa itu bersifat bahasa Polinesia Melayu.

Tulisan piagam-piagam itu, walaubagaimanapun, masih berhurufkan huruf Pallawa akan tetapi bahasanya seperti yang dapat kita saksikan tadi bukanlah lagi bahasa Sanskrit bahkan bahasa Melayu kuno. Sebagai mengkaji perkembangan bahasa maka yang menjadi soal kepada kita ialah bahasa bukan tulisannya.

Dari itu tahulah kita bahawa telah lama lah bahasa Melayu tumbuh di Bangka dan Palembang. Dan

tidaklah hairan bahawa 1250 tahun yang lalu semacam bahasa Melayu telah digunakan di daerah itu. Maka dengan adanya sesudah beratus tahun kemudiannya kerajaan Srivijaya yang berasaskan Melayu – Hindu itu dari kurun yang ke tujuh hingga ke tiga belas tentulah bahasa Melayu itu berkembang dengan cepatnya. Sebagaimana kita maklum perkembangan politik itu sangatlah berkesan dalam mengembangkan bahasa. Di dalam keadaan ini bahasa Melayu pun berkembang melebar tambahan pula manakala kerajaan Srivijaya telah menguasai kepulauan di Selat Melaka hingga ke Segenting Kra dalam kurun ke sembilan.

Orang-orang yang menjadi wakil-wakil dagang bagi kerajaan dagang Srivijaya itu telah berjalan bukan sahaja di kepulauan Andalus dan di daratan Melaka tetapi juga di seluruh Tenggara Asia pada sesuatu waktu. Mereka ini sama ada disedari atau tidak oleh mereka telah menjadi penjajah membawa bahasa mereka sebagai barang yang amat penting bersama-sama dengan barang dagangannya. Dan dengan itu bahasa Melayu pun menjadi bahasa dagangan di daerah-daerah yang dijalani oleh mereka. Ini tidaklah bererti bahawa yang dibawa mereka hanya bahasa Melayu pasar yang bersangkutan dengan perdagangan saja, tetapi mungkin ada pula bahasa rasmi Melayu dan kesusasteraannya.

Yang menarik hati dalam hal ini ada sebuah batu terdapat di Gandasuli di kedua arah ke timur gunung Sundara. Penyelidikan terakhir yang dilakukan oleh Dr J.G.D Kasparis membuktikan tarikhnya pada tahun 832 masihi. Telah dipastikan bahawa bahasa pada piagam itu bukanlah bahasa Jawa kuno tetapi bahasa yang berdekatan sekali dengan bahasa Pulau Andalus iaitu bahasa Melayu kuno. Ini adalah menandakan bahawa pada kurun yang ke sembilan itu bahasa Melayu telah tersebar sebagai bahasa kebudayaan di tengah-tengah tanah Jawa.

Selain dari itu ahli-ahli kesusasteraan Cina ada menceritakan perkembangan kepandaian dan kebudayaan di Pulau Andalus. Orang-orang Cina ini telah mengembara ke sana dan tinggal di kota-kota kepulauan itu belajar dan menterjemahkan tulisan-tulisan dari bahasa Sanskrit: dalam penterjemahan-penterjemahan ini tentulah mereka menggunakan bahasa perantaraan dan bahasa ini sekurang-kurangnya di ibu kota Srivijaya, ialah bahasa Melayu atau satu bahasa yang amat berdekatan dengan bahasa itu. Maka dapatlah kita mengatakan dengan tentunya bahawa bahasa Melayu sudah pun dalam kurun ke tujuh dan dalam kurun-kurun yang berikut dapat dipakai sebagai bahasa pengantar kebudayaan. Ini selain daripada hal-hal yang tertentu seperti perdagangan yang bahasa itu dipergunakan di dalam daerah-daerah yang bukan masuk dengan sungguhnya, dalam lingkungan daerah bahasa Melayu.

Sesungguhnya, hal-hal yang tersebut itu bolehlah dinamakan peristiwa-peristiwa perkembangan bahasa Melayu dari menjadi bahasa pengantar dalam keperluan-keperluan perdagangan hingga kepada bahasa kebudayaan. Walaubagaimanapun perkembangan itu hanya boleh disebut sebagai permulaan perkembangan bahasa Melayu. Sesudah itu ada sebuah lagi piagam yang menghairankan berumur dari tahun 1356 iaitu terdapat di daerah Minangkabau. Di dalamnya di antara beberapa sanjak Sanskrit ada terdapat sedikit prosa Melayu kuno, sebagaimana yang kita kenal semenjak hampir-hampir 7 kurun lebih dahulu. Di dalamnya ada perbezaan bentuk-bentuk dan kata-kata di antaranya dengan bahasa Melayu yang tertua itu. Sebagai misal boleh diturunkan beberapa kalimah:

kurun	ke tujuh	tiada	tahun	1356	tiada
“	“	merbuat	“	“	berbuat
“	“	niperbuat	“	“	diperbuatkan

Sebuah batu nisan antara sungai Pasai dengan sungai Jambu Air. Ini berumur dari tahun 1380 dan seperti yang dikemukakan oleh penyelidik Stutterheim iaitu adalah mengandungi contoh tertua tentang puisi Melayu, delapan baris sanjak yang tertulis dalam semacam bahasa Melayu. Bukan semata-mata ini sanjak yang diperbuat zaman itu sebab kesusasteraan Melayu yang timbul pada kurun kelima belas dan keenam belas itu bukanlah turun dari langit sahaja. Sebaliknya kesusasteraan Melayu telah berkembang dahulu dari tarikh ini; hinggakan ada banyak alasan mengatakan bahawa “Hikayat Seri Rama” umpamanya sudah lama adanya dalam bahasa Melayu sebelum agama Islam terkenal di Tanah Melayu.

Kira-kira waktu itu, pelabuhan Melaka didirikan. Dalam masa yang singkat sahaja ia telah menjadi pusat perniagaan yang penting bagi daerah ini dan daerah-daerah seluruh Asia Tenggara. Masa itu orang Melayu memang belayar dan berdagang kerjanya dan dengan kuatnya kerajaan Melaka itu bertambah sungguhlah gerakan perdagangan itu. Ini bermakna mereka membawa bahasa Melayu ke mana mereka pergi dan menggunakannya sebagai bahasa perdagangan dan kebudayaan.

Ini ditambah lagi dengan datangnya agama Islam ke Tanah Melaka dan dalam menjalankan perniagaan mereka mengembangkan agama dan bahasa mereka ke seluruh kepulauan Melayu. Keadaan ini bolehlah dikatakan dengan tegasnya telah berjalan dalam tahun 1400. Sebab apabila bangsa Eropah tiba ke kepulauan ini sekurum kemudian daripada itu mereka mendapati bahasa Melayu sebagai bahasa perdagangan. Sebuah “Daftar Kata Melayu” telah dikarangkan oleh kira-kira tahun 1522 oleh Fegafeta.

Kedatangan bangsa Portugis ke Melaka dan kejatuhan kerajaan Melaka pada tahun 1511 tentulah berkesan besar kepada bahasa Melayu tetapi walaubagaimanapun masih boleh

disebut perkembangan bahasa Melayu itu tidak terhenti di situ sahaja. Ini bukanlah kerana bahasa itu boleh berkembang dalam keadaan politik yang telah hancur tadi tetapi seperti pendapat Tuan Madung Lubis orang-orang Portugis itu pun sama mengembangkan bahasa Melayu. Bahasa Melayu itu dibawanya dari Melaka ke pulau-pulau lain. Dan bahasa itulah pula digunakannya untuk menyampaikan maksudnya kepada Raja-raja dan kepala-kepala negeri serta saudagar-saudagar. Bukan sahaja ke Kalimantan, ke Sulawesi dan ke Jawa bahasa Melayu menjadi bahasa perantaraan tetapi juga sampai ke Banda, ke Ambon dan ke pulau-pulau lain di Maluku.

Patut diingatkan kembali bahawa kedatangan agama Islam dan perkembangannya ke seluruh kepulauan Melayu pada kurun keempat belas tadi adalah satu faktor yang besar bagi mendalamnya bahasa Melayu kepada bangsa-bangsa kepulauan Melayu. Mulai dari kurun itu bahasa Melayu di Melaka khususnya telah mulai menggunakan huruf-huruf Arab dengan menambah lima huruf bagi memenuhi kehendak-kehendak bahasa Melayu. Pulau-pulau lain yang penduduknya telah Islam itu pun menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa keagamaan mereka dan dengan itu mulalah bertambah lapangan bahasa Melayu dalam erti perkembangannya di kepulauan itu. Tidaklah lagi seperti dahulu yang hanya dipakai dalam perdagangan dan kebudayaan sahaja.

Bukan itu sahaja kesan keislaman kepada bahasa Melayu. Bahkan bahasa Melayu di Malaya khususnya masih dapat, hinggalah sesudah pemerintahan Portugis itu, dikekalkan dalam erti kata iaitu mempunyai peranan besar dalam hidup bangsa Melayu itu sendiri. Pada tahun 1631 umpamanya penyelidik Dankerts mengatakan pada kebanyakan sekolah di kepulauan Maluku, melainkan Pulau Ambon, bahasa Melayu dipakai sebagai bahasa pengantar.

Begitulah sepanjang kurun-kurun yang lalu sesudah itu bahasa Melayu terus menerus melakukan peranannya sebagai bahasa perantara antara keperluan Melayu semenjak lebih dari empat kurun walaupun iaitu, diserang dan dicela oleh beberapa puak di daerah-daerah kepulauan itu dan walaupun bahasa-bahasa daerah itu berkembang terus menerus di dalam dirinya sendiri.

3. Perkembangan Di Dalam Bahasa Melayu

Seperti yang disebutkan di atas tadi dalam memperkatakan sejarah bahasa Melayu kuno yang telah mulai didapati tanda-tandanya pada kurun ke tujuh itu adalah bercampur dengan bahasa Sanskrit. Kedatangan agama Hindu semenjak kurun Masihi yang kedua telah pun turut mempengaruhi bahasa Melayu dan semenjak itu campuran dan resapan bahasa dan perkataan Sanskrit telah menjelma di dalam bahasa Melayu. Sebenarnya percampuran ini banyak dan di dalam lapangan yang banyak pula, terutamanya di dalam hal keagamaan, ilmu-ilmu susunan kemasyarakatan dan lain-lain lagi.

Agaknya bukan sahaja perkataan-perkataan yang menjelma dari bahasa Sanskrit dengan bahasa Melayu tetapi juga aliran bahasa itu sendiri dan bentuk bangunnya.

Bagi memudahkan pengembaraan bahasa Melayu dalam dirinya sendiri maka bolehlah kita bahagikan perkembangan itu kepada tiga bahagian:

Bahagian pertamanya ialah masa purba iaitu sebelum datangnya pengaruh India. Masa itu isi kesusasteraan Melayu adalah mengandungi: doa, mentera, salasilah,/adat kebiasaan dan kepercayaan. Oleh kerana zaman itu telah lama benar maka tiadalah dapat diberikan di sini misal-misal bagi susunan dan isi bahasa Melayu masa itu. Ini tidaklah kita hairankan sebab seperti yang disebutkan tadi hanya kurun yang ke tujuh baharulah ada

piagam yang menunjukkan kesusasteraan Melayu.

Bahagian keduanya, ialah masa Hindu, Arab, Portugis, Belanda dan Inggeris. Pada masa ini, tingkatan zaman pengaruh Hindunya, maka tentulah bahasa Sanskrit dan kesusasteraannya berkesan besar kepada bahasa Melayu. Cerita-cerita dewa dan kesusasteraan-kesusasteraan mengenai asal mula manusia, alam dan agama tentulah mengisi kesusasteraan Melayu pada masa itu. Ini ditambah lebih berkesan manakala tulisan yang dipakai pada masa itu pun ialah huruf Pallawa, sejenis tulisan yang berasal dari India Selatan.

Dalam bahagian yang setelah jatuhnya kerajaan Melayu – Hindu – Srivijaya pada kurun yang ketiga belas dan menangnya kerajaan Majapahit sesudah itu serta timbulnya kerajaan Melaka dan tibanya, pada kurun keempat belas, orang-orang Gujerat ke Melaka membawa Islam maka mulailah kesan dan resapan bahasa Arab timbul ke dalam bahasa Melayu. Kesan itu bukanlah hanya dalam perkataan yang mempunyai agama sahaja tetapi juga dalam hidup bangsa Melayu itu sendiri dan juga mereka yang memakai bahasa Melayu sebagai bahasa perantara dan perdagangan di sekeliling pulau-pulau Melayu.

Hasil dari pengaruh bahasa Arab itu timbullah perkembangan bahasa Melayu dalam kesusasteraannya yang zahir setelah beberapa kurun kemudiannya. Menulis secara syair dan membawa cerita-cerita pengajaran Islam adalah pokok kesusasteraan Melayu di tingkatan ini, selain dari itu pembukaan dan pandangan terhadap keadaan negeri asing dan cerita-cerita mengenai salasilah-salasilah Raja mula dikembangkan dalam bahasa Melayu. Ada juga hasil-hasil kesusasteraan Melayu tentang penglipur lara terdapat dalam tingkatan ini.

Dalam hal ini patut diingatkan bahawa naskah asal

Sambungannya pada mukasurat 34